

# 80,000 kes selesai

## Kejayaan besar PR selama lima tahun tadbir Selangor

**IJOK** - Hampir 80,000 permohonan hak milik tanah penduduk berjaya diselesaikan kerajaan negeri dalam tempoh lima tahun pemerintahan Pakatan Rakyat (PR) di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, hak pemilikan tanah itu berjaya diselesaikan secara berperingkat sekali gus mengakhiri penantian penduduk selama lebih 50 tahun.

Menurutnya, kerajaan negeri juga berjaya menyelesaikan hak pemilikan tanah di Kampung Seri Sentosa, Seri Aman dan Java Estet membatikn seramai 309 penduduk, walaupun berdepan pelbagai masalah serta bantahan.

"Setakat ini, surat kelulusan dan borang 5A diberikan kepada penduduk yang bersetuju menandatangani surat akujanji diserahkan sebelum ini. Sebaik sahaja jumlah premium dijelaskan, hak milik tanah akan dikeluarkan dalam tempoh dua minggu.

"Bagaimanapun disebabkan nilai hartanah di Kampung



**Abdul Khalid (kanan) menyampaikan surat kelulusan dan borang 5A kepada sebahagian penduduk di Kampung Seri Sentosa di Dewan Orang Ramai Seri Harmoni Ijok, semalam.**

Seri Sentosa dan Seri Aman tinggi serta status tanah pertanian ditukarkan kepada pembangunan perumahan, nilai premium agak tinggi," katanya ketika merasmikan Program Penyampaian Surat Kelulusan dan Borang 5A di Dewan Orang Ramai Seri Harmoni Ijok, di sini, semalam.

Hadir sama, Pegawai Daerah, Mohamad Yasid Bidin;

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad; Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Noraini Roslan dan Jurutera Jabatan Kerja Raya daerah, Ir Zamsari Mohamad.

Abdul Khalid yang juga Adun Ijok berkata, kerjasama agensi kerajaan dan peritadbir tanah menjadikan masalah hak pemberimilikan tanah dapat diselesaikan dengan mudah

mengikut tempoh ditetapkan.

"Kerjasama Mohamad Yasid sangat proaktif dan profesional sehingga kes hak pemberimilikan dapat diselesaikan dengan baik tanpa sebarang masalah.

"Inilah sikap pegawai kerajaan yang tidak makan duit rakyat dan fokus menyelesaikan masalah dengan efisien," katanya.

Sementara itu, Mohamad Yasid berkata, bayaran premium serendah RM1,000 dikenakan kepada penduduk, tidak termasuk kos infrastruktur perparitan dan rizab tanah perkuburan berjumlah RM2,300 bagi membolehkan mereka diberi hak pemilikan tanah dalam tempoh dua minggu.

"Bayaran itu rendah jika dibandingkan lot tanah jenis banglo diberikan seluas 0.5 ekar setiap penduduk terutama di Kampung Seri Sentosa.

"Masalah hak pemilikan tanah di kawasan lain akan diselesaikan secara berperingkat bagi membantu penduduk yang menunggu lama untuk mendiami tanah sendiri," katanya.